

|                                                   |
|---------------------------------------------------|
| <input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian |
| <input type="checkbox"/> Berita Minggu            |
| Tarikh: 21/6/2012                                 |
| Hari: Khamis M/S: 4                               |
| Ruangan: V128MT                                   |

# SAP tambah nilai graduan

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yosniza@berita-harian.com.my

**P**UTRAJAYA: Sebanyak tujuh lagi institusi pendidikan tinggi (IPT) menyertai program MyUniAlliance-SAP membolehkan lebih 500 pelajar mengikuti latihan teknologi pengurusan perniagaan profesional, SAP.

Kemahiran dalam perisian komputer bagi pengurusan perniagaan itu mampu meningkatkan nilai tambah mereka dalam pasaran pekerjaan.

Tujuh IPT terbabit ialah Universiti Utara Malaysia, Universiti Tenaga Nasional, Universiti Kuala Lumpur, Kolej Universiti Nilai, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Kolej Tunku Abdul Rahman dan Universiti Malaysia Pahang.

Penyerahan sijil penyertaan dilakukan oleh Pengarah Urusan SAP Malaysia, Serena Sia kepada wakil universiti terbabit di sini, baru-baru ini.

Perkembangan itu menjadikan keseluruhan 15 IPT menjalankan SAP bagi meningkatkan kemahiran pelajar menerusi program MyUni-

Alliance yang juga satu daripada inisiatif Pembangunan Modal Insan di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Serena berkata, setakat ini seramai 350 pelajar daripada IPT selesai menjalani latihan SAP dan 70 peratus daripadanya pelajar bidang teknologi maklumat sementara 30 peratus lagi peruntutan jurusan lain.

Bagi meningkatkan jumlah pelajar yang mendapat manfaat program itu, katanya, kira-kira 100 ahli akademik akan dilatih mengajar program itu selain cadangan pemberian tiga atau empat mata kredit bagi pelajar yang selesai mengikuti SAP.

Bellau menjelaskan, latihan SAP dijalankan bagi melahirkan golongan usahawan profesional yang



SERENE (dua dari kiri), Ng Wan Peng (tiga dari kiri) bersama wakil IPT yang menyertai program MyUniAlliance-SAP.

mempunyai kemahiran teknologi maklumat bagi memastikan pengurusan perniagaan yang lebih cekap. "SAP unik kerana boleh diubahsuai mengikut keperluan pelbagai sektor dan ini terbukti menerusi penggunaan perisian pengurusan

perniagaan ini oleh 24 industri termasuk perdagangan, perkhidmatan awam, kewangan, minyak dan gas, pengeluaran serta perkhidmatan.

"Pemegang sijil profesional ini yang layak memegang jawatan

perunding SAP juga berpotensi meraih tawaran gaji lumayan kerana pelbagai syarikat dan agensi seluruh dunia memperakui keberkesanan sistem ini bagi melancarkan pengurusan perniagaan," katanya ketika berucap dalam Majlis Penyerahan Sijil Penyertaan MyUniAlliance-SAP.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi Multimedia Development Corporation (MDeC), Ng Wan Peng.

Dalam majlis sama, Serena melancarkan Pertandingan SAP Dashboard Design yang menawarkan hadiah wang tunai lebih RM6,000 dan pemenang akan mewakili negara bagi pertandingan peringkat Asia Tenggara.

Penyertaan pertandingan secara berkumpulan itu memerlukan peserta mereka paparan interaktif analisis Sukan Olimpik 1992 hingga 2012.

Pertandingan yang terbuka untuk semua pelajar IPT itu bermula 1 Jun hingga 1 November ini.

Maklumat lanjut boleh didapati dengan melayari laman web [www.sap.com](http://www.sap.com).